



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 13/2020

PENANGGUHAN KEMASUKAN SEMUA PELAJAR SECARA BERSEMUKA (BAHARU DAN LAMA) SESI AKADEMIK 2020/2021 BAGI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga UMK berkenaan dengan penangguhan kemasukan Pelajar Prasiswazah secara bersemuka (baharu dan lama) bagi sesi akademik 2020/2021 UMK masing-masing bermula pada 4 Oktober 2020 dan 11 Oktober 2020. Ini turut melibatkan pendaftaran Pelajar Pascasiswazah. Penangguhan kemasukan pelajar ini adalah dengan mengambil kira situasi semasa berkenaan peningkatan kes pandemik Covid-19 di seluruh Malaysia. Keputusan ini juga adalah sejajar dengan kenyataan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 2 Oktober 2020, tertakluk kepada maklumat lanjut dari semasa ke semasa.

3. Sehubungan dengan itu, pendaftaran pengajian pelajar (Prasiswazah dan Pascasiswazah) dan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sehingga dimaklumkan kemudian. Bagi para pelajar yang telah berada di UMK dan sedang mengikuti aktiviti akademik, mereka boleh kekal berada di kampus masing-masing. Dilampirkan bersama adalah Kenyataan Media daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk makluman.

4. Pihak UMK memohon maaf atas segala kesulitan yang dihadapi ekoran penangguhan kemasukan ini demi kebaikan dan keselamatan semua pihak khususnya para pelajar.


5. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

2 OKTOBER 2020

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor – Timbalan Naib Canselor
 - Pendaftar
 - Semua Dekan/ Pengarah Pusat Pengajian
 - Timbalan Pendaftar Bahagian Pentadbiran Akademik



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

PENANGGUHAN PENDAFTARAN SECARA FIZIKAL/BERSEMUKA PELAJAR IPT KEMASUKAN OKTOBER 2020

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin dengan pandangan pelbagai pihak serta kebimbangan yang disuarakan oleh para pelajar, ibu bapa dan masyarakat dengan peningkatan kes COVID-19 yang berlaku hanya selang beberapa hari sahaja dari tarikh kemasukan pelajar baharu ke universiti.

KPT turut prihatin mengenai kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pelajar-pelajar, staf universiti dan semua pihak yang terlibat.

Justeru, KPT mencadangkan kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk menangguhkan dahulu pendaftaran secara fizikal/bersemuka pelajar-pelajar baharu dan lama ke kampus. Semua urusan pendaftaran pelajar boleh dilaksanakan secara dalam talian, begitu juga aspek pengajaran dan pembelajaran sehingga pengumuman baharu mengenainya dibuat.

Keputusan menangguhkan pendaftaran secara fizikal/ bersemuka pelajar-pelajar yang terlibat perlu dibuat demi memelihara kesejahteraan dan keselamatan semua pihak.

Bagi pelajar yang telah berada di kampus dan sedang mengikuti aktiviti akademik, mereka boleh kekal berada di kampus masing-masing. Pihak IPT diminta membantu segala keperluan yang diperlukan oleh kumpulan pelajar ini.

Sebarang pertanyaan berkaitan pergerakan balik ke kampus serta sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dirujuk terus kepada IPT masing-masing.

KPT juga mencadangkan kepada semua IPT supaya menangguhkan semua program atau aktiviti yang melibatkan himpunan di dalam kampus.

KPT juga telah mengambil langkah proaktif berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan bagi memohon mempertimbangkan penjadualan semula penerbangan pelajar-pelajar pulang ke kampus khususnya bagi mereka yang telah membeli tiket penerbangan pulang ke IPT masing-masing. Hasil rundingan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menjadualkan semula penerbangan pelajar sehingga 31 Disember 2020.

Keprihatinan dan kepekaan daripada semua pihak dalam menjaga hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan pelajar dan masyarakat amat diperlukan dalam menghadapi situasi semasa berkaitan pandemik COVID-19 ini.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

2 Oktober 2020